

# Tiada petualang dalam MT Umno — PM

18 DEC 1983

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan tidak ada kalangan ahli Majlis Kerja Tertinggi Umno (MT) yang termasuk dalam golongan yang disifatkan sebagai petualang.

Perdana Menteri berkata, ini kerana semua ahli MT memberi sokongan penuh kepadanya untuk menyelesaikan isu pindaan perlembagaan.

Bercakap kepada para pemberita selepas mem-

pengerusikan mesyuarat khas MT di sini, Presiden Umno berkata, Umno akan mengambil tindakan terhadap petualang-petualang jika mempunyai bukti-bukti yang jelas.

Dalam mesyuarat khas MT hari ini, semua ahli menyampaikan tahap niah atas kejayaan yang telah dan akan dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir berhubung dengan isu pindaan Perlembagaan Negara itu.

Perdana Menteri dalam lawatan ke beberapa negeri baru-baru ini telah mendedahkan ada petualang-petualang yang cuba menggagalkan pin-

daan isu perlembagaan. Petualang itu cuba memutarbelitkan isu perlembagaan untuk mengelirukan rakyat bagi kepentingan peribadi mereka.

Mengulas tindakan yang akan diambil kepada bekas Setiausaha Agung Umno, Datuk Senu Abdul Rahman, beliau berkata, perkara itu telah diserahkan kepada Jawatankuasa Disiplin yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam.

Perdana Menteri berkata mesyuarat khas MT hari ini tidak membincangkan tindakan terhadap Datuk Senu itu.

"Saya lupa nak hin-

cang. Kenapa tidak beritahu sebelum mesyuarat bermula," katanya secara berseloroh ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh pemberita.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menolak dakwaan bahawa isu pindaan perlembagaan sebagai cabaran

atau isu yang besar dalam sejarah Umno.

Presiden Umno itu berkata, isu pindaan tiadalah paling besar tetapi prosesnya mengambil masa yang panjang.

Isu pindaan perlembagaan itu telah diluluskan oleh Dewan Rakyat Ogos lalu dan ditandatangani oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Jumaat lalu.